



Headline: Pinjaman tak dapat, wang kelab hangus
Publication/Portal: New Sabah Times (Bahasa Malaysia)
Date: 29 September 2018

Language: Malay
Section: Semasa
Page: 5

Pinjaman tak dapat, wang kelab hangus

KUANTAN: Seorang kerani tergamak menggunakan wang kelab sukan yang diamanahkan ke atasnya bagi mendapatkan pinjaman wang yang tidak wujud.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang Supt Mohd Wazir Mohd Yusof berkata mangsa, seorang wanita berusia 36 tahun bukan sahaja tidak memperolehi wang pinjaman itu, tetapi turut kerugian RM30,000.

"Mangsa mendakwa dihubungi wakil daripada sebuah bank pada 23 Ogos lalu bagi menawarkan pinjaman peribadi dan dia menyatakan minat untuk meminjam RM5,000.

Mangsa diminta memasukkan RM280 sebagai wang pendahuluan dan akhirnya telah membuat 20 transaksi yang dikatakan sebagai bayaran wang jaminan, yuran guaman dan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)," katanya dalam satu kenyataan di sini, kelmarin.

Mohd Wazir menambah mangsa mengaku telah menggunakan wang kelab sukan yang berada dalam simpanannya bagi memenuhi 'syarat' yang diberikan suspek sebelum terasa ditipu setelah menyedari jumlah besar wang yang dibayar. -Bernama